

**KEMENTERIAN INDUSTRI  
MAKANAN, KOMODITI  
DAN PEMBANGUNAN  
WILAYAH SARAWAK**

**JABATAN PERTANIAN  
SARAWAK**

2. Program Pembangunan  
Agromakanan



## PROGRAM PEMBANGUNAN AGROMAKANAN

### RUMUSAN

"Pelaksanaan Program Pembangunan Agromakanan adalah **kurang memuaskan** berikutan prestasi fizikal Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan sepenuhnya dan bilangan usahawan yang berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan masih rendah iaitu seramai 291 (22.1%) usahawan. Pengurusan program adalah memuaskan kecuali bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan kepada usahawan tidak dimanfaatkan"

#### PENCAPAIAN OUTPUT



##### Bilangan Usahawan

- Sasaran : 1,275
- Pencapaian : 1,315 (103.1%)




##### Pusat Inkubator

- Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan.

#### PENCAPAIAN KEBERHASILAN

##### 1 Pendapatan Usahawan



##### 2 Pemasaran Produk

- Aktiviti promosi dan pemanfaatan perniagaan, ruang niaga khas, lonjakan pasaran serta kajian produk.
- Lima usahawan memasarkan produk di pasar raya besar dalam dan luar Sarawak dengan nilai jualan sejumlah RM12.72 juta.

##### 3 Kemahiran Usahawan

- 6,707 usahawan hadir kursus di pejabat pertanian bahagian.
- 367 pelatih mengikuti kursus di Pusat Latihan Agromakanan.
- Lapan usahawan memiliki pensijilan Halal dan MeSTI.
- 10 pelatih Pusat Latihan Agromakanan masih meneruskan perusahaan.

#### PENGURUSAN PROGRAM



##### Prestasi Kewangan

- Peruntukan dilulus : RM46.20 juta
- Peruntukan dibelanja : RM32.07 juta



##### Pemilihan Usahawan

- Permohonan : 2,682
- Kelulusan : 1,315



##### Perolehan Bantuan

- Pembelian Terus : RM2.64 juta
- Sebut Harga : RM7.22 juta
- Tender : RM4.83 juta



##### Bantuan Kepada Usahawan

- 55 unit mesin dan kelengkapan pemprosesan tidak diguna.
- Dua premis belum siap dibina oleh usahawan.



SYOR  
AUDIT



3



**KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN,  
KOMODITI DAN PEMBANGUNAN  
WILAYAH SARAWAK  
JABATAN PERTANIAN SARAWAK**

**PROGRAM PEMBANGUNAN AGROMAKANAN**

**Perkara Utama**

**Apa yang diaudit?**

- Jabatan Pertanian Sarawak merupakan agensi di bawah kawalselia Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pengeluaran makanan, seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeluar makanan.
- Objektif Program Pembangunan Agromakanan (PPA) adalah untuk meningkatkan pendapatan usahawan, memperluaskan pemasaran produk dan meningkatkan kemahiran usahawan. Secara umumnya, PPA bertujuan untuk membangunkan usahawan dalam bidang pemprosesan makanan dan bahan bukan makanan yang menekankan pembangunan serta peningkatan kualiti produk ke pasaran yang lebih luas.
- Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, sebanyak lima program dilaksanakan iaitu Program Pembangunan Industri Makanan, Program Pembangunan Keusahawanan, Program Pembangunan Produk Agromakanan, Program Pembangunan Usahawan Agromakanan dan Program Pusat Pemprosesan Inkubator Industri Asas Tani.
- Bantuan yang disediakan di bawah PPA adalah mesin dan kelengkapan pemprosesan termasuk pembungkusan, pelabelan, input pertanian serta bahan binaan untuk bina baharu dan tambah baik premis.
- Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan kepada pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program dinilai berdasarkan empat aspek iaitu prestasi

kewangan; perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan; pemilihan usahawan; dan bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan.

**Mengapa ia  
penting  
untuk  
diaudit?**

- Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada PPA diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pendapatan usahawan, memperluaskan pemasaran produk dan meningkatkan kemahiran usahawan.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

- Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan didapati pelaksanaan PPA adalah kurang memuaskan berikutan pencapaian output dari aspek prestasi fizikal Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan sepenuhnya. Pencapaian keberhasilan juga kurang memuaskan dari aspek pendapatan usahawan berikutan bilangan usahawan berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan masih rendah iaitu seramai 291 (22.1%) usahawan. Pengurusan program adalah memuaskan dari aspek prestasi kewangan, perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan dan pemilihan usahawan kecuali bantuan kepada usahawan tidak dimanfaatkan.
- Antara kelemahan yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
  - Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan sepenuhnya sehingga ke tarikh pengauditan;
  - mesin dan kelengkapan pemprosesan di Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dipasang menyebabkan pengujian dan pentaulahan tidak dapat dilaksanakan;
  - seramai 1,024 (77.9%) usahawan masih berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah;
  - Surat Akujanji Bantuan Usahawan tidak mengambil kira berkaitan pembatalan atau penarikan balik bantuan sekiranya usahawan gagal mengendalikannya;

- sebanyak 55 unit mesin dan kelengkapan pemprosesan berjumlah RM342,101 tidak digunakan oleh 11 usahawan; dan
- dua premis belum siap dibina oleh usahawan di Bahagian Serian dan Betong.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

- Bagi memastikan PPA dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan penambahbaikan seperti berikut:
  - fasiliti Pusat Inkubator Wilayah Utara perlu disiapkan segera dan dimanfaatkan secara optimum untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat;
  - meningkatkan aktiviti pemasaran produk bagi menambah pendapatan usahawan; dan
  - Surat Akujanji Bantuan Usahawan perlu ditambah baik dengan tindakan pembatalan atau penarikan balik bantuan sekiranya usahawan gagal mengendalikannya. Selain itu, Jawatankuasa Spesifikasi perlu diwujudkan bagi menentukan kesesuaian penggunaan mesin dan kelengkapan pemprosesan.



# KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN PEMBANGUNAN WILAYAH SARAWAK

## JABATAN PERTANIAN SARAWAK

### 2. PROGRAM PEMBANGUNAN AGROMAKANAN

#### FAKTA UTAMA

##### **RM46.20 Juta**

- Peruntukan yang disalurkan melalui M-FICORD [2016 - 2022]

##### **RM32.07 Juta**

- Jumlah perbelanjaan [2016 - 2022]

##### **1,275**

##### **Usahawan**

- Sasaran bilangan usahawan [2016 - 2022]

##### **1,315**

##### **Usahawan**

- Pencapaian bilangan usahawan [2016 - 2022]

**Kementerian Industri  
Makanan, Komoditi  
dan Pembangunan  
Wilayah Sarawak**

Bertanggungjawab menerajui pembangunan komuniti pertanian dan luar bandar di Sarawak

**Jabatan Pertanian  
Sarawak**

Bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pengeluaran makanan di Sarawak

**Penerima Bantuan**

Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana

**Objektif Program**

- Meningkatkan pendapatan usahawan
- Memperluaskan pemasaran produk
- Meningkatkan kemahiran usahawan

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) bertanggungjawab menerajui pembangunan komuniti pertanian dan luar bandar di Sarawak. Selain itu, M-FICORD komited untuk mentransformasi dan melestarikan bidang pertanian serta ekonomi luar bandar melalui modenisasi dan pengkomersilan bagi mencapai sasaran menjadikan Sarawak sebagai *Net Exporter of Food* menjelang tahun 2030. Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) merupakan agensi di bawah kawal selia M-FICORD yang bertanggungjawab dalam mempertingkatkan pengeluaran makanan, seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Sarawak sebagai pengeluar makanan.

1.2. Objektif Program Pembangunan Agromakanan (PPA) adalah untuk meningkatkan pendapatan usahawan, memperluaskan pemasaran produk dan meningkatkan kemahiran usahawan. Objektif ini selaras dengan Dasar Agromakanan Negara Tahun 2011 hingga

2020 iaitu menjadikan agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampu serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan. Secara umumnya, PPA adalah untuk membangunkan usahawan dalam bidang pemprosesan makanan dan bahan bukan makanan yang menekankan pembangunan serta peningkatan kualiti produk ke pasaran yang lebih luas.

1.3. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, sebanyak lima program dilaksanakan oleh JPS iaitu Program Pembangunan Industri Makanan, Program Pembangunan Keusahawanan, Program Pembangunan Produk Agromakanan, Program Pembangunan Usahawan Agromakanan dan Program Pusat Pemprosesan Inkubator Industri Asas Tani (Pusat Inkubator).

1.4. Sumber kewangan PPA adalah daripada Kerajaan Negeri dan disalurkan melalui M-FICORD. Peruntukan yang diterima bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 berjumlah RM46.20 juta dan sejumlah RM32.07 juta (69.4%) telah dibelanjakan. Bantuan yang disediakan adalah mesin dan kelengkapan pemprosesan termasuk pembungkusan, pelabelan, input pertanian serta bahan binaan untuk bina baharu dan tambah baik premis.

1.5. Struktur organisasi JPS dibahagikan kepada dua sektor iaitu Sektor Pembangunan dan Sektor Operasi. Bahagian Agromakanan terletak di bawah Sektor Pembangunan yang bertanggungjawab terhadap 12 pejabat pertanian bahagian dan seksyen agromakanan di seluruh negeri Sarawak.

## **2. OBJKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ialah untuk menilai sama ada PPA diurus dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan, iaitu meningkatkan pendapatan usahawan, memperluaskan pemasaran produk dan meningkatkan kemahiran usahawan.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi program dan pengurusan program bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022. Prestasi program dinilai berdasarkan kepada pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan program dinilai berdasarkan empat aspek iaitu prestasi kewangan; perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan; pemilihan usahawan; dan bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan.

3.2. Pengauditan dijalankan di M-FICORD, ibu pejabat JPS dan pejabat pertanian bahagian serta daerah. Bilangan usahawan yang diluluskan bantuan oleh JPS di 12 bahagian adalah seramai 1,315 usahawan. Seramai 97 (7.4%) usahawan telah dipilih sebagai sampel Audit berasaskan bilangan usahawan di lima daripada 12 bahagian dan mengikut jenis perusahaan yang dijalankan dengan nilai bantuan berjumlah RM3.70 juta. Butiran sampel Audit seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**SAMPEL AUDIT BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN AGROMAKANAN**

BIL.	BAHAGIAN	BIL. USAHAWAN	JENIS BANTUAN				NILAI BANTUAN KESELURUHAN (RM Juta)	SAMPEL AUDIT				
			MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN		BAHAN BINAAN			Bil. Premis (Unit)	Nilai Bantuan (RM Juta)	USAHAWAN		
			Kuantiti (Unit)	Nilai Bantuan (RM Juta)	Bil. Premis (Unit)	Nilai Bantuan (RM Juta)				Bilangan	%	RM Juta
1.	Samarahan	89	390,308	1.40	6	0.10	1.50		13	1.0	0.45	2.7
2.	Kuching	112	39,771	1.86	6	0.22	2.08		18	1.4	1.17	7.0
3.	Serian	80	121,939	0.89	6	0.09	0.98		9	0.7	0.12	0.7
4.	Miri	200	309,585	2.77	39	0.37	3.14		26	2.0	1.27	7.6
5.	Betong	200	279,101	1.77	31	0.19	1.96		31	2.3	0.69	4.2
6.	Bintulu	87	76,199	0.85	4	0.07	0.92		-	-	-	-
7.	Kapit	105	34,643	0.92	8	0.13	1.05		-	-	-	-
8.	Limbang	79	44,224	0.76	6	0.04	0.80		-	-	-	-
9.	Mukah	69	58,354	0.79	2	0.11	0.90		-	-	-	-
10.	Sarikei	79	10,411	0.91	4	0.21	1.12		-	-	-	-
11.	Sibu	112	372,022	1.08	16	0.17	1.25		-	-	-	-
12.	Sri Aman	103	203,382	0.86	8	0.05	0.91		-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>1,315</b>	<b>1,939,939</b>	<b>14.86</b>	<b>136</b>	<b>1.75</b>	<b>16.61</b>		<b>97</b>	<b>7.4</b>	<b>3.70</b>	<b>22.2</b>

Sumber: Analisis Sampel Usahawan, Jabatan Audit Negara

#### 4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen, fail dan menganalisis data berkaitan PPA. Selain itu, lawatan Audit bersama pegawai JPS ke premis usahawan turut dijalankan di Bahagian Samarahan, Kuching, Serian, Miri dan Betong serta Pusat Inkubator Wilayah Utara. Temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan usahawan yang terlibat juga diadakan bagi mendapatkan ulasan lanjut berkaitan program serta isu Audit yang berbangkit. Soal selidik berkaitan tahap kepuasan usahawan telah diedarkan kepada 97 usahawan.

#### 5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan dilaksanakan antara bulan Ogos hingga Oktober 2022. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada JPS telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada

6 Februari 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

## **5.1. Prestasi Program**

### **5.1.1. Pencapaian Output**

Pencapaian pengukuran output PPA dinilai dari aspek bilangan usahawan dan prestasi fizikal Pusat Inkubator, berbanding sasaran yang ditetapkan.

#### **5.1.1.1. Bilangan Usahawan**

- a. Berdasarkan Perenggan 2.5. Program Pembangunan Industri Makanan dan Keusahawanan (PPIMK) Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe), sasaran bilangan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 adalah seramai 380 usahawan. Manual Pelaksanaan Program Agromakanan (Manual Pelaksanaan) RMKe-12 menyasarkan bilangan usahawan bagi tahun 2022 adalah seramai 27 usahawan.
- b. Semakan Audit terhadap Rekod Pencapaian Bahagian Agromakanan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati pencapaian keseluruhan bilangan usahawan adalah seramai 1,315 (103.1%) usahawan. Bagaimanapun, sasaran bilangan usahawan bagi tahun 2018 hanya mencapai 724 (78.4%) daripada 924 usahawan kerana peruntukan bagi program Sarawak Economic Transformation (SET) hanya diterima pada bulan September 2018. Ini mengakibatkan JPS menghadapi kekangan untuk mencari usahawan yang memenuhi kriteria, kesuntukan masa untuk melaksanakan program tersebut dan menghadapi kekurangan pegawai di peringkat daerah.
- c. Pada tahun 2020 pula, terdapat perubahan sasaran berikutan berlaku peningkatan peruntukan menjadikan jumlah sasaran adalah 96 usahawan manakala tahun 2021 merupakan fasa pandemik Covid-19 dan kesemua program tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, JPS tidak menerima peruntukan program pembangunan bagi tahun tersebut. Pencapaian sasaran bilangan usahawan seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PENCAPAIAN SASARAN BILANGAN USAHAWAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN				PERATUSAN PENCAPAIAN (%)
	SASARAN AWAL (a)	SASARAN SET/PENINGKATAN PERUNTUKAN (b)	JUMLAH SASARAN (a) + (b) = (c)	PENCAPAIAN	
2016	76	-	76	97	127.6
2017	76	-	76	84	110.5
2018	76	848	924	724	78.4
2019	76	-	76	238	313.2
2020	76	20	96	112	116.7
2021*	-	-	-	-	-
2022	27	-	27	60	222.2
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>407</b>	<b>868</b>	<b>1,275</b>	<b>1,315</b>	<b>103.1</b>

Sumber: Rekod Pencapaian Bahagian Agromakanan, Jabatan Pertanian Sarawak

Nota: (\*) Tiada Program Pembangunan Agromakanan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

### Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023

Pada tahun 2018, sebanyak 724 permohonan program khas SET serta program sedia ada diterima dan diluluskan. Ini disebabkan peruntukan sejumlah RM9 juta bagi program SET hanya diterima pada bulan September 2018. Pada tahun 2020, terdapat perubahan sasaran berikutnya ada peningkatan peruntukan sejumlah RM5.34 juta.

**Pendapat Audit | Pencapaian sasaran bilangan usahawan adalah memuaskan dengan pencapaian melebihi sasaran bagi tempoh lima tahun kecuali bagi tahun 2018.**

#### 5.1.1.2. Prestasi Fizikal Pusat Inkubator

- Berdasarkan Perenggan 4.3. Manual Pelaksanaan RMKe-12, objektif Pusat Inkubator adalah untuk menyediakan pusat pemprosesan yang mematuhi piawaian pensijilan dengan memiliki kelengkapan mesin dan peralatan pemprosesan bagi membolehkan usahawan menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat.
- Semakan Audit terhadap fail Pusat Inkubator bagi tempoh tahun 2018 hingga 2022 mendapati peruntukan bagi menaik taraf dua Pusat Inkubator iaitu Wilayah Utara dan Wilayah Selatan adalah sebanyak RM11.65 juta dengan sejumlah RM2.46 juta (21.1%) telah dibelanjakan.

- c. Kontrak menaik taraf Pusat Inkubator Wilayah Utara ditawarkan kepada Syarikat No. 956099-U pada 25 Oktober 2019 secara tender terbuka melalui Jabatan Kerja Raya Bahagian Miri dengan harga kontrak berjumlah RM0.66 juta dan tempoh pelaksanaan adalah tiga bulan. Kontrak perkhidmatan Mekanikal dan Elektrikal (M&E) ditawarkan kepada Syarikat No. LWS/LB2015047 pada 2 November 2021 dengan harga kontrak berjumlah RM0.57 juta dan tempoh pelaksanaan adalah enam bulan bermula 16 November 2021. Kontrak menaik taraf Pusat Inkubator Wilayah Utara sepatutnya siap pada 24 Januari 2020 dan kontrak perkhidmatan M&E sepatutnya siap pada 15 Mei 2022.
  - d. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja menaik taraf Pusat Inkubator Wilayah Utara diperaku siap pada 10 Ogos 2020 dengan satu kelulusan Kelambatan dan Lanjutan Masa selama 84 hari akibat pandemik Covid-19. Kerja M&E diperaku siap pada 15 Mei 2022. Tempoh Tanggungan Kecacatan adalah 12 bulan dan berakhir pada 14 Mei 2023. Sehingga ke tarikh pengauditan, **Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan sepenuhnya kerana pengujian dan pentauliahan (T&C) bagi kerja M&E belum dilakukan.**
  - e. Selain itu, sebanyak 72 mesin dan kelengkapan pemprosesan bernilai RM0.65 juta dibekalkan di Pusat Inkubator Wilayah Utara pada tahun 2018 dan 2020. Sehingga ke tarikh pengauditan, **mesin dan kelengkapan pemprosesan belum dipasang menyebabkan T&C tidak dapat dilaksanakan.** Ini menyebabkan fasiliti Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran produk usahawan. Lawatan Audit ke Pusat Inkubator Wilayah Utara pada 19 September 2022 mendapati perkara berikut:
- i. Kabel elektrik di luar bangunan Pusat Inkubator Wilayah Utara tidak dipasang dengan kemas seperti dalam **Gambar 1.**



**GAMBAR 1**

Pusat Inkubator Wilayah Utara  
 - Kabel Elektrik Tidak Dipasang Dengan Kemas  
 (19.09.2022)  
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Antara mesin dan kelengkapan pemprosesan yang belum dipasang serta belum menjalani T&C seperti dalam **Gambar 2** dan **Gambar 3**.

**GAMBAR 2**



Pusat Inkubator Wilayah Utara  
- 4 *Electric Oven Dryer* Bernilai RM25,600 Belum  
Dipasang dan Belum Menjalani T&C  
(19.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Pusat Inkubator Wilayah Utara  
- 2 *Ginger Slicer* Bernilai RM8,000 dan 5 *Blender*  
Bernilai RM26,500 Belum Dipasang dan Belum  
Menjalani T&C  
(19.09.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- f. Pusat Inkubator Wilayah Selatan tidak dilaksanakan kerana status pemilikan bangunan sedia ada bagi menempatkan Pusat Inkubator tersebut masih belum diselesaikan dan JPS tidak berhasrat untuk meneruskan kerja naik taraf di lokasi tersebut.

### Maklum Balas JKR pada 17 Februari 2023

Pengujian dan pentauliahan bagi kerja M&E belum dilakukan kerana sumber kuasa elektrik belum disambung ke Pusat Inkubator Wilayah Utara. Oleh yang demikian, penyerahan Pusat Inkubator tersebut dan laporan T&C belum dikemukakan.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Kemajuan fizikal Pusat Inkubator Wilayah Utara kurang memuaskan kerana belum dapat disiapkan sepenuhnya. Fasiliti tersebut belum dapat dimanfaatkan usahawan bagi menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat.</b>
-----------------------	---

#### 5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan dinilai dari aspek pendapatan usahawan, pemasaran produk, kemahiran usahawan dan tahap kepuasan usahawan.

### 5.1.2.1. Pendapatan Usahawan

- a. Berdasarkan Perenggan 2.4.1. Strategi Pelaksanaan PPIMK RMKe-11, PPA menyasarkan lebih ramai usahawan yang berdaya niaga dan sentiasa melonjakkan diri untuk berpendapatan tinggi. Berdasarkan Perenggan 2.4.6. Manual Pelaksanaan RMKe-12, objektif PPA adalah untuk melahirkan usahawan yang berpendapatan tinggi iaitu RM4,000 sebulan.
- b. Berdasarkan PPIMK RMKe-11, kategori tahap usahawan bermula dari pra tahap hingga tahap 6 dengan nilai jualan tahunan sehingga RM50 juta. Bagi Manual Pelaksanaan RMKe-12 yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Projek Jabatan Bilangan 2 Tahun 2021 pada 14 April 2021, kategori tahap usahawan adalah dari permulaan hingga Mikro 4 dengan nilai jualan tahunan sehingga RM300,000.
- c. Semakan Audit terhadap Senarai Usahawan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati seramai 291 (22.1%) daripada 1,315 usahawan berpendapatan tinggi iaitu melebihi RM4,000 sebulan berdasarkan nilai jualan tahunan. Bagaimanapun, **seramai 1,024 (77.9%) usahawan masih berpendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah**. Nilai jualan tahunan seramai 1,315 usahawan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 adalah berjumlah RM48.14 juta. Butiran seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BILANGAN USAHAWAN BERPENDAPATAN BULANAN**  
**MELEBIHI RM4,000 BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN	BILANGAN USAHAWAN BERPENDAPATAN >RM4,000 SEBULAN	PERATUSAN PENCAPAIAN (%)	NILAI JUALAN USAHAWAN (RM Juta)
2016	97	22	22.7	3.40
2017	84	29	34.5	4.03
2018	724	177	24.4	25.65
2019	238	15	6.3	4.25
2020	112	35	31.3	9.41
2021*	-	-	-	-
2022	60	13	21.7	1.40
<b>JUMLAH</b>	<b>1,315</b>	<b>291</b>	<b>22.1</b>	<b>48.14</b>

Sumber: Senarai Usahawan, Jabatan Pertanian Sarawak

Nota: (\*) Tiada Program Pembangunan Agromakanan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

- d. Analisis Audit terhadap Senarai Usahawan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati secara keseluruhannya peratusan tertinggi usahawan yang berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan adalah pada tahun 2017 iaitu seramai 29 (34.5%) usahawan. Peratusan terendah usahawan yang berpendapatan

melebihi RM4,000 sebulan adalah pada tahun 2019 iaitu seramai 15 (6.3%) usahawan. Bilangan usahawan yang mempunyai nilai jualan tertinggi adalah pada tahun 2018 dengan nilai jualan sejumlah RM25.65 juta. Soal selidik Audit mendapati daripada 97 usahawan, 58 (59.8%) usahawan menyatakan pendapatan melebihi RM4,000 sebulan. Seramai 39 (40.2%) usahawan menyatakan pendapatan RM4,000 sebulan dan ke bawah iaitu usahawan dari luar bandar yang terhad peluang pasaran serta menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan.

- Semakan Audit selanjutnya terhadap Ringkasan Usahawan Kenaikan Tahap Selepas Dibantu bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati seramai 625 (47.5%) berada di pra tahap, seramai 535 (40.7%) berada di tahap 1, seramai 84 (6.4%) berada di tahap 2, 60 (4.6%) berada di tahap 3 dan seramai 11 (0.8%) berada di tahap 4. Tahap usahawan selepas menerima bantuan seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**TAHAP USAHAWAN SELEPAS MENERIMA BANTUAN DALAM RMKe-11 DAN RMKe-12**

TAHUN	TAHAP SEBELUM BANTUAN	BIL. USAHAWAN	BIL. USAHAWAN SELEPAS BANTUAN						BIL. USAHAWAN		
			PRA TAHAP	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	MENINGKAT	MENURUN	TIADA PERGERAKAN	
<b>2016</b>	Pra Tahap	48	25	22	1	0	0	23	0	25	
	Tahap 1	46	14	16	11	4	1	16	14	16	
	Tahap 2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	Tahap 3	3	0	0	0	2	1	1	0	2	
	Tahap 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>97</b>	<b>39</b>	<b>38</b>	<b>12</b>	<b>6</b>	<b>2</b>	<b>40</b>	<b>14</b>	<b>43</b>	
<b>2017</b>	Pra Tahap	46	17	22	5	2	0	29	0	17	
	Tahap 1	31	3	15	6	7	0	13	3	15	
	Tahap 2	6	0	0	1	4	1	5	0	1	
	Tahap 3	1	0	0	0	1	0	0	0	1	
	Tahap 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>84</b>	<b>20</b>	<b>37</b>	<b>12</b>	<b>14</b>	<b>1</b>	<b>47</b>	<b>3</b>	<b>34</b>	
<b>2018</b>	Pra Tahap	299	209	81	8	1	0	90	0	209	
	Tahap 1	361	141	184	26	10	0	36	141	184	
	Tahap 2	53	8	21	8	14	2	16	29	8	
	Tahap 3	11	2	3	1	4	1	1	6	4	
	Tahap 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>724</b>	<b>360</b>	<b>289</b>	<b>43</b>	<b>29</b>	<b>3</b>	<b>143</b>	<b>176</b>	<b>405</b>	
<b>2019</b>	Pra Tahap	187	119	66	2	0	0	68	0	119	
	Tahap 1	47	21	25	0	1	0	1	21	25	
	Tahap 2	4	0	3	1	0	0	0	3	1	
	Tahap 3	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
	Tahap 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0	
<b>JUMLAH</b>		<b>238</b>	<b>140</b>	<b>94</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>69</b>	<b>24</b>	<b>145</b>	
<b>2020</b>	Pra Tahap	59	45	13	1	0	0	14	0	45	
	Tahap 1	23	8	11	1	2	1	4	8	11	
	Tahap 2	18	1	8	6	3	0	3	9	6	
	Tahap 3	5	0	1	2	2	0	0	3	2	
	Tahap 4	7	0	1	1	2	3	0	4	3	
<b>JUMLAH</b>		<b>112</b>	<b>54</b>	<b>34</b>	<b>11</b>	<b>9</b>	<b>4</b>	<b>21</b>	<b>24</b>	<b>67</b>	
<b>2021*</b>	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
<b>2022</b>	Permulaan	56	12	39	3	1	1	44	0	12	
	Mikro 1	4	0	4	0	0	0	0	0	4	
	Mikro 2	0	0	0	0	0	0	0	0	0	

TAHUN	TAHAP SEBELUM BANTUAN	BIL. USAHAWAN	BIL. USAHAWAN SELEPAS BANTUAN					BIL. USAHAWAN		
			PRA TAHAP	TAHAP 1	TAHAP 2	TAHAP 3	TAHAP 4	MENINGKAT	MENURUN	TIADA PERGERAKAN
	Mikro 3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
	Mikro 4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>60</b>	<b>12</b>	<b>43</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>44</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,315</b>	<b>625</b>	<b>535</b>	<b>84</b>	<b>60</b>	<b>11</b>	<b>364</b>	<b>241</b>	<b>710</b>

Sumber: Analisis Ringkasan Usahawan Kenaikan Tahap Selepas Dibantu, Jabatan Audit Negara

Nota: (\*) Tiada Program Pembangunan Agromakanan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

- f. Analisis Audit selanjutnya terhadap Ringkasan Usahawan Kenaikan Tahap Selepas Dibantu bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati seramai 364 (27.7%) daripada 1,315 usahawan meningkat tahap selepas menerima bantuan. Seramai 951 (72.3%) usahawan terdiri daripada 241 (18.3%) usahawan menurun tahapnya dan 710 (54%) usahawan masih berada pada tahap yang sama. Ini adalah kerana usahawan luar bandar menjalankan perusahaan secara kecil-kecilan dan tidak memiliki peluang pasaran yang luas. Bagi tahun 2021, PPA tidak dilaksanakan kerana tiada peruntukan diluluskan pada tahun tersebut yang merupakan fasa pandemik Covid-19.
- g. Pihak Audit mendapati seramai 11 usahawan yang berada di tahap 4 adalah terdiri daripada usahawan projek komersil kecil (PKK), projek mesra tanah (PMT), industri kotej (IK), projek komersil sederhana (PrKS) dan permulaan. Nilai jualan tahunan bagi 11 usahawan tersebut adalah antara sejumlah RM229,873 hingga sejumlah RM1.45 juta setahun. Butiran seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**USAHAWAN TAHAP 4 DAN JENIS PERUSAHAAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

BIL.	TAHUN	USAHAWAN	BAHAGIAN	PROJEK	NILAI BANTUAN (RM)	JENIS PERUSAHAAN	NILAI JUALAN TAHUNAN (RM)
1.	2016	XXXXXX-XX-5163	Bintulu	PKK	60,000	Memproses Santan Kelapa dan Produk Kelapa	392,613
2.	2016	XXXXXX-XX-5575	Bintulu	PMT	10,000	Tanaman	234,550
3.	2017	XXXXXX-XX-5194	Sarikei	IK	30,000	Pelbagai Bakeri	415,352
4.	2018	XXXXXX-XX-5454	Sibu	PrKS SET	80,000	Pulut Panggang	320,000
5.	2018	XXXXXX-XX-5812	Miri	PrKS	80,000	Memproses Makanan	348,800
6.	2018	XXXXXX-XX-5400	Kuching	IK	30,000	Kek Lapis	340,979
7.	2020	XXXXXX-XX-5372	Kuching	PKK	160,000	Memproses Produk Peria Garing	594,014
8.	2020	XXXXXX-XX-5828	Kuching	PKK	160,000	Memproses Madu Kelulut	556,880
9.	2020	XXXXXX-XX-5854	Kuching	PKK	160,000	Memproses Hasilan Lada Hitam	1,453,774
10.	2020	XXXXXX-XX-5219	Sarikei	PKK	160,000	Memproses Biji Kopi dan Serbuk Teh	1,417,380
11.	2022	XXXXXX-XX-5000	Limbang	Permulaan	5,000	Pemprosesan Cendol Gula Apong	229,873
<b>JUMLAH</b>							<b>6,304,215</b>

Sumber: Senarai Usahawan Tahap 4, Jabatan Pertanian Sarawak

## **Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023**

Seramai 291 usahawan yang berjaya mencapai pendapatan melebihi RM4,000 sebulan adalah kebanyakannya terdiri daripada usahawan di bandar yang berjaya memasarkan produk dan meningkatkan jualan kerana memiliki peluang pasaran yang luas berbanding usahawan di luar bandar. Bagi membantu usahawan meningkatkan pendapatan, saluran yang dianjurkan oleh JPS adalah menerusi aktiviti semasa pesta tempatan. Peranan Pertubuhan Peladang Kawasan sebagai agen pemasaran dan menggunakan saluran e-Shop Peladang sebagai jualan secara atas talian.

**Pendapat Audit | Pencapaian pendapatan usahawan adalah kurang memuaskan kerana bilangan usahawan berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan masih rendah iaitu seramai 291 (22.1%) usahawan.**

### **5.1.2.2. Pemasaran Produk**

- a. Berdasarkan Perenggan 4.2. PPIMK RMKe-11, bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, sebanyak 59 aktiviti pemasaran produk disasarkan. Bagi tahun 2021, tiada sasaran ditetapkan manakala tahun 2022, sebanyak 20 aktiviti disasarkan. Komponen pemasaran produk adalah promosi dan pemadanan perniagaan, ruang niaga khas, lonjakan pasaran serta kajian produk. Perenggan 2.4.3. PPIMK RMKe-11 menyatakan produk agromakanan yang terpilih dan berpotensi menembusi pasar raya besar di dalam dan luar Sarawak.
- b. Semakan Audit terhadap Senarai Bilangan Aktiviti Pemasaran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati sebanyak 448 aktiviti pemasaran produk telah dilaksanakan berasaskan peruntukan yang diluluskan setiap tahun. Komponen pemasaran produk iaitu promosi dan pemadanan perniagaan tercapai antara enam hingga 92 aktiviti telah dilaksanakan. Pencapaian ini berikutan JPS membantu mempromosi produk usahawan dengan menganjur pelbagai aktiviti seperti karnival keusahawanan, pesta di peringkat bahagian dan penglibatan Pertubuhan Peladang Kawasan dalam aspek pemasaran produk. Selain itu, usahawan juga menerima jemputan daripada agensi luar dan pihak swasta yang tiada dalam perancangan JPS. Pada tahun 2021, sasaran tidak ditetapkan kerana tiada peruntukan diterima. Namun, enam promosi dan pemadanan perniagaan ada dilaksanakan atas jemputan daripada agensi luar serta pihak swasta.

- c. Bagi ruang niaga khas, hanya seramai dua daripada lima usahawan yang layak, seramai 43 usahawan terlibat dengan aktiviti lonjakan pasaran dan seramai 30 usahawan terlibat dengan aktiviti kajian produk. Butiran seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENCAPAIAN PEMASARAN PRODUK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	PROMOSI DAN PEMADANAN PERNIAGAAN		RUANG NIAGA KHAS		LONJAKAN PASARAN		KAJIAN PRODUK		JUMLAH AKTIVITI PEMASARAN PRODUK	
	SASARAN (a)	PENCAPAIAN (b)	SASARAN (c)	PENCAPAIAN (d)	SASARAN (e)	PENCAPAIAN (f)	SASARAN (g)	PENCAPAIAN (h)	SASARAN (a)+(c)+(e)+(g)=(i)	PENCAPAIAN (b)+(d)+(f)+(h)=(j)
2016	7	92	1	-	1	-	3	-	12	92
2017	7	80	1	2	1	-	3	2	12	84
2018	7	53	1	-	1	38	3	16	12	107
2019	7	81	1	-	1	-	3	-	12	81
2020	7	22	1	-	-	5	3	12	11	39
2021*	-	6	-	-	-	-	-	-	-	6
2022	20	39	-	-	-	-	-	-	20	39
<b>JUMLAH</b>	<b>55</b>	<b>373</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>4</b>	<b>43</b>	<b>15</b>	<b>30</b>	<b>79</b>	<b>448</b>

Sumber: Senarai Bilangan Aktiviti Pemasaran, Jabatan Pertanian Sarawak

Nota : (\*) Tiada sasaran, tiada pencapaian dan tiada Program Pembangunan Agromakanan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

- d. Semakan Audit selanjutnya terhadap Rekod Pencapaian Sebenar bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 mendapati aktiviti promosi dan pemandangan perniagaan melibatkan seramai 2,368 usahawan dengan nilai jualan sejumlah RM8.27 juta. Bagi ruang niaga khas, melibatkan dua usahawan dengan nilai jualan sejumlah RM130,433. Selain itu, lonjakan pasaran melibatkan 43 usahawan dengan nilai jualan sejumlah RM6.66 juta. Aktiviti kajian produk melibatkan 30 usahawan tahun 2017, 2018 dan 2020. Bagi tahun 2021 dan 2022, aktiviti promosi dan pemandangan perniagaan melibatkan seramai 164 usahawan dengan nilai jualan sejumlah RM0.76 juta.
- e. Selain itu, usahawan yang terlibat dengan aktiviti promosi dan pemandangan perniagaan merupakan usahawan sama yang mengikuti pelbagai aktiviti promosi anjuran JPS setiap tahun. Aktiviti promosi yang terlibat adalah seperti karnival keusahawan, pesta di peringkat bahagian dan aktiviti promosi anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan. Butiran seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**BILANGAN USAHAWAN DAN NILAI JUALAN TAHUNAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	PROMOSI DAN PEMADANAN PERNIAGAAN		RUANG NIAGA KHAS		LONJAKAN PASARAN		KAJIAN PRODUK
	BIL. USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM Juta)	BIL. USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM Juta)	BIL. USAHAWAN	NILAI JUALAN (RM Juta)	BIL. USAHAWAN
2016	215	1.03	-	-	-	-	-
2017	221	0.67	2	0.13	-	-	2
2018	221	1.02	-	-	38	6.32	16
2019	1,648	4.95	-	-	-	-	-
2020	63	0.60	-	-	5	0.34	12
<b>JUMLAH</b>	<b>2,368</b>	<b>8.27</b>	<b>2</b>	<b>0.13</b>	<b>43</b>	<b>6.66</b>	<b>30</b>
2021	10	0.01	-	-	-	-	-
2022	154	0.75	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>164</b>	<b>0.76</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,532</b>	<b>9.03</b>	<b>2</b>	<b>0.13</b>	<b>43</b>	<b>6.66</b>	<b>30</b>

Sumber: Rekod Pencapaian Sebenar, Jabatan Pertanian Sarawak

- f. Semakan Audit selanjutnya terhadap Senarai Produk Terpilih bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati lima usahawan berjaya memasarkan produk ke pasar raya besar dalam dan luar Sarawak dengan nilai jualan sejumlah RM12.72 juta. Pasaran dalam Sarawak yang terlibat adalah pasar raya besar dengan nilai jualan sejumlah RM12.53 juta. Pasaran luar pula adalah Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Republik Rakyat China, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam dan lain-lain dengan nilai jualan berjumlah RM185,793. Butiran seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PRODUK USAHAWAN KE PASARAN DALAM DAN LUAR SARAWAK BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022**

BIL.	USAHAWAN	BAHAGIAN	JENIS PERUSAHAAN	JENAMA PRODUK	LOKASI PRODUK DIPASARKAN	NILAI JUALAN (RM)		NILAI JUALAN (RM)
						PASARAN DALAM	PASARAN LUAR	
1.	XXXXXX-XX-5277	Miri	Kek Lapis Sarawak	-	Semenanjung Malaysia dan Sarawak	231,000	-	231,000
2.	XXXXXX-XX-5644	Miri	Produk Sejuk Beku (Kelupis Bersambal Inti Kelapa, Popia)	-	Indonesia, Singapura, Republik Rakyat China, Brunei Darussalam, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak	1,193,088	33,465	1,226,553
3.	XXXXXX-XX-5854	Kuching	Memproses Hasilan Lada	Nang Ori	Singapura, Semenanjung Malaysia dan Sarawak	4,473,246	2,280	4,475,526
4.	XXXXXX-XX-5372	Kuching	Memproses Produk Peria Garing	Peria Garing Mama	Semenanjung Malaysia dan Sarawak	3,533,376	-	3,533,376
5.	XXXXXX-XX-5828	Kuching	Memproses Madu Kelulut	Meliponi	Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, Republik Rakyat China, Korea Selatan, Semenanjung Malaysia dan Sarawak	3,102,175	150,048	3,252,223
<b>JUMLAH</b>						<b>12,532,885</b>	<b>185,793</b>	<b>12,718,678</b>

Sumber: Senarai Produk Terpilih, Jabatan Pertanian Sarawak

**Pendapat | Pemasaran produk melalui promosi dan pemadanan perniagaan, Audit** **Ionjakan pasaran serta kajian produk adalah memuaskan kerana melebihi sasaran kecuali ruang niaga khas. Produk yang dipasarkan juga memuaskan kerana telah meningkatkan pemasaran produk di dalam dan luar Sarawak.**

#### **5.1.2.3. Kemahiran Usahawan**

- a. Berdasarkan Perenggan 2.5.5. PPIMK RMKe-11, strategi pelaksanaan kursus dan latihan adalah bertujuan memperkuuh mutu aktiviti pengembangan dengan meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kepakaran pembimbing agromakanan melalui pembangunan modal insan yang bersepadau serta menyeluruh.
- b. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, seramai 3,885 usahawan disasarkan mengikuti kursus dan latihan di pejabat pertanian bahagian dan 440 pelatih di Pusat Latihan Agromakanan (Pusat Latihan). Sasaran bilangan usahawan tahunan di pejabat pertanian bahagian adalah antara 480 hingga 681 usahawan kecuali tahun 2021 tiada peserta disasarkan manakala 20 hingga 280 pelatih disasarkan ke Pusat Latihan.
- c. Semakan Audit terhadap Senarai Kursus dan Latihan Usahawan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati secara keseluruhannya bilangan peserta yang menghadiri kursus dan latihan di pejabat pertanian bahagian telah tercapai iaitu seramai 6,707 (172.6%). Bagaimanapun, **bilangan pelatih yang mengikuti kursus dan latihan di Pusat Latihan tidak tercapai iaitu seramai 367 (83.4%)**. Bagi tahun 2021, tiada pelatih mengikuti latihan inkubator dan latihan jangka pendek (enam bulan) kerana pandemik Covid-19. Pada tahun 2022, hanya kursus dan latihan harian sahaja dilaksanakan. Butiran seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KURSUS DAN LATIHAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	PEJABAT PERTANIAN BAHAGIAN			PUSAT LATIHAN AGROMAKANAN		
	SASARAN (Bil. Peserta)	PENCAPAIAN (Bil. Peserta)	PERATUSAN PENCAPAIAN (%)	SASARAN (Bil. Pelatih)	PENCAPAIAN (Bil. Pelatih)	PERATUSAN PENCAPAIAN (%)
2016	681	642	94.3	20	24	120
2017	681	1,371	201.3	20	30	150
2018	681	1,570	230.5	20	22	110
2019	681	1,164	170.9	20	24	120
2020	681	1,612	236.7	20	13	65.0
2021*	-	-	-	60	-	-
2022	480	348	72.5	280	254	90.7
<b>JUMLAH</b>	<b>3,885</b>	<b>6,707</b>	<b>172.6</b>	<b>440</b>	<b>367</b>	<b>83.4</b>

Sumber: Senarai Kursus dan Latihan Usahawan, Jabatan Pertanian Sarawak

Nota: (\*) Tiada kursus dan latihan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati seramai 6,707 usahawan telah menghadiri kursus wajib anjuran pejabat pertanian bahagian. Kursus yang wajib dihadiri usahawan adalah kursus asas keusahawanan. Butiran seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN DIHADIRI**  
**USAHAWAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	BILANGAN USAHAWAN MENGHADIRI KURSUS	BILANGAN USAHAWAN BANTUAN JPS
2016	642	97
2017	1,371	84
2018	1,570	724
2019	1,164	238
2020	1,612	112
2022	348	60
<b>JUMLAH</b>	<b>6,707</b>	<b>1,315</b>

Sumber: Senarai Kursus dan Latihan Usahawan, Jabatan Pertanian Sarawak

- e. Selain itu, kursus yang turut dihadiri usahawan adalah kursus pengendalian makanan, kursus asas keusahawanan pra tahap dan tahap 1, kursus pemprosesan pelbagai jenis kerepek, hasilan gula apong, hasilan kelapa, herba dan lain-lain. Usahawan juga menghadiri kursus pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI), Halal, pensijilan kualiti Good Manufacturing Practice dan Hazard Analysis and Critical Control Point. Seramai lapan usahawan daripada lima bahagian telah memiliki pensijilan Halal dan MeSTI. Butiran seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**SENARAI USAHAWAN MEMILIKI PENSIJILAN**

BIL.	BAHAGIAN	USAHAWAN	JENIS PERUSAHAAN	PENSIJILAN
1.	Kuching	XXXXXX-XX-5828	Menternak dan Memproses Madu Kelulut	Halal dan MeSTI
2.	Samarahan	XXXXXX-XX-5442	Produk Inovasi Nenas	Halal
3.	Samarahan	XXXXXX-XX-5395	Pemprosesan Halia dan Serbuk Labu	Halal
4.	Samarahan	XXXXXX-XX-5862	Pemprosesan Pelbagai Jenis Kerepek	Halal
5.	Sibu	XXXXXX-XX-5033	- Memproses Produk Berasaskan Dabai dan Buah Tempatan - Pelbagai Produk Sejuk Beku Berasaskan Dabai dan Buah Tempatan	Halal
6.	Mukah	XXXXXX-XX-5246	Tempe dan Tauhu	Halal dan MeSTI
7.	Miri	XXXXXX-XX-5644	Produk Sejuk Beku (Kelupis, Karipap dan Popia)	Halal dan MeSTI
8.	Miri	XXXXXX-XX-5992	Pelbagai Jeruk Buah-Buahan	Halal dan MeSTI

Sumber: Senarai Kursus dan Latihan Usahawan, Jabatan Pertanian Sarawak

- f. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020, seramai 113 pelatih menghadiri kursus dan latihan jangka pendek di Pusat Latihan. Daripada jumlah tersebut, seramai 34 pelatih merupakan usahawan bantuan JPS. Selepas menghadiri kursus dan latihan, pelatih dapat meningkatkan kemahiran dengan memperoleh nilai jualan sejumlah RM480,338. Butiran seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**KURSUS DAN LATIHAN DI PUSAT LATIHAN**  
**SERTA NILAI JUALAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2019**

TAHUN	KURSUS DAN LATIHAN DIHADIRI	PELATIH MENGHADIRI KURSUS (Bilangan)	PELATIH BANTUAN JPS (Bilangan)	NILAI JUALAN (RM)	
				SEBELUM	SELEPAS
2016	Kursus Kemahiran Keusahawanan Pemprosesan Makanan (Bakeri dan Sejuk Beku)	24	8	40,985	89,825
2017	Kursus Kemahiran Keusahawanan Pemprosesan Makanan (Bakeri dan Sejuk Beku)	30	16	48,402	255,049
2018	Kursus Kemahiran Keusahawanan Pemprosesan Makanan	22	9	11,186	133,440
2019	Kursus Kemahiran Keusahawanan Pemprosesan Makanan	24	1	-	2,024
2020	Kursus Kemahiran Keusahawanan Pemprosesan Makanan	13	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>113</b>	<b>34</b>	<b>100,573</b>	<b>480,338</b>

Sumber: Senarai Kursus dan Latihan Pelatih Pusat Latihan, Jabatan Pertanian Sarawak

- g. Pihak Audit mendapati seramai 10 (29.4%) daripada 34 pelatih tahun 2016 hingga 2019 masih meneruskan perusahaan. Butiran seperti dalam **Jadual 13** serta **Gambar 4** dan **Gambar 5**.

**JADUAL 13**  
**PELATIH PUSAT LATIHAN YANG MASIH MENERUSKAN**  
**PERUSAHAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2019**

BIL.	TAHUN	PELATIH	BAHAGIAN	JENIS PERUSAHAAN
1.	2016	XXXXXX-XX-5050	Samarahan	Memproses Kek dan Pastri ( <b>Gambar 4</b> )
2.	2016	XXXXXX-XX-6780	Bintulu	Memproses Makanan Bakeri dan Sejuk Beku
3.	2017	XXXXXX-XX-5374	Serian	Kek dan Pelbagai Kuih Basah
4.	2017	XXXXXX-XX-6042	Sibu	Pelbagai Kuih Muih
5.	2017	XXXXXX-XX-6432	Samarahan	Pemprosesan Pastri/Bakeri ( <b>Gambar 5</b> )
6.	2018	XXXXXX-XX-5218	Kuching	Biskut dan Bun Sosej
7.	2018	XXXXXX-XX-5578	Sri Aman	Pemprosesan Bakeri dan Sejuk Beku
8.	2018	XXXXXX-XX-5838	Miri	Pemprosesan Bakeri dan Sejuk Beku
9.	2018	XXXXXX-XX-6327	Miri	Pemprosesan Bakeri dan Sejuk Beku
10.	2019	XXXXXX-XX-5506	Sarikei	Memproses Kuih Kering dan Pelbagai Jenis Kerepek

Sumber: Senarai Bekas Pelatih Pusat Latihan, Jabatan Pertanian Sarawak

**GAMBAR 4**



Premis Usahawan Bahagian Samarahan  
- Pelatih Pusat Latihan yang Masih Meneruskan  
Perusahaan  
(17.02.2023)  
(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

**GAMBAR 5**



Premis Usahawan Bahagian Samarahan  
- Pelatih Pusat Latihan yang Masih Meneruskan  
Perusahaan  
(17.02.2023)  
(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

### Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023

Kursus dan latihan di Pusat Latihan pada tahun 2020 dan 2022 tidak tercapai kerana terdapat pelatih yang tidak melapor diri, menarik diri dan pengambilan dihadkan 50% berdasarkan kapasiti ruang serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard pandemik Covid-19.

**Pendapat Audit** | **Pencapaian bilangan peserta yang menghadiri kursus dan latihan di pejabat pertanian bahagian adalah memuaskan kerana purata pencapaian melebihi sasaran. Pencapaian bagi bilangan pelatih di Pusat Latihan juga memuaskan dengan purata pencapaian pada 83.4%.**

#### **5.1.2.4. Tahap Kepuasan Usahawan**

- a. JPS bertanggungjawab memberi bantuan kepada usahawan yang layak dalam PPA di negeri Sarawak. Bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan yang dibekalkan kepada usahawan adalah untuk meningkatkan pendapatan, memperluaskan pasaran produk dan meningkatkan kemahiran. Tahap kepuasan usahawan dinilai bagi prestasi perniagaan, pemasaran dan perkhidmatan pasca bantuan.
- b. Borang soal selidik telah diedarkan untuk menilai tahap kepuasan usahawan yang meliputi aspek prestasi perniagaan, pemasaran dan perkhidmatan pasca bantuan. Sebanyak 97 borang soal selidik diedarkan kepada 97 usahawan iaitu 14 di Bahagian Samarahan, 18 di Bahagian Kuching, sembilan di Bahagian Serian, 26 di Bahagian Miri dan 30 di Bahagian Betong. Analisis Audit terhadap maklum balas soal selidik mendapati perkara berikut:
  - i. 89 (91.8%) usahawan menyatakan pendapatan meningkat selepas bantuan walaupun tidak melebihi RM4,000 sebulan;
  - ii. 97 (100%) usahawan menyatakan produk berjaya dipasarkan di luar dan dalam Sarawak; dan
  - iii. 81 (83.5%) usahawan menyatakan dengan menghadiri kursus dan latihan, kemahiran dapat meningkatkan pengetahuan berkaitan perusahaan.

**Pendapat  
Audit**

**Bantuan yang dibekalkan kepada usahawan adalah memuaskan kerana secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan usahawan dan pemasaran produk.**

### **5.2. Pengurusan Program**

Pengurusan program dinilai dari aspek prestasi kewangan; perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan; pemilihan usahawan; dan bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan.

#### **5.2.1. Prestasi Kewangan**

- a. Sumber kewangan merupakan antara salah satu input yang digunakan untuk memastikan proses penghasilan output berjalan lancar dan mencapai keberhasilan

yang disasarkan. Peruntukan bagi PPA diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan secara tahunan.

- b. Semakan Audit terhadap Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati peruntukan pembangunan program yang diluluskan adalah sejumlah RM46.20 juta dan sejumlah RM32.07 juta (69.4%) telah dibelanjakan.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati peruntukan bagi naik taraf Pusat Inkubator Wilayah Selatan diterima pada tahun 2018 tidak dibelanjakan kerana status pemilikan bangunan sedia ada belum diselesaikan. Selain itu, terdapat arahan daripada Kerajaan Negeri untuk menangguhkan pelaksanaan program pada bulan Julai 2019 manakala bagi tahun 2020 pula, peruntukan Pusat Inkubator Wilayah Selatan yang diterima tidak dibelanjakan kerana pelaksanaannya tidak dapat diteruskan. Bagi tahun 2021, peruntukan program tidak diterima kerana pandemik Covid-19 dan hanya peruntukan Pusat Inkubator Wilayah Utara sahaja yang diterima dan dibelanjakan. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	KOMPONEN	AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM Juta) (a)	PERBELANJAAN (RM Juta) (b)	PERATUSAN PERBELANJAAN (b)/(a) X 100 (%)
2016	Pembangunan Industri Makanan	1. Pengkomersilan Makanan 2. Promosi Industri Makanan	0.30 0.70	0.29 0.65	96.7 92.9
	Pembangunan Keusahawanan	1. Industri Asas Tani	1.42	1.38	97.2
		<b>Jumlah</b>	<b>2.42</b>	<b>2.32</b>	<b>95.9</b>
2017	Pembangunan Industri Makanan	1. Pengkomersilan Makanan 2. Promosi Industri Makanan	0.30 0.70	0.29 0.62	96.7 88.6
	Pembangunan Keusahawanan	1. Pembangunan Ekonomi Wanita 2. Pembangunan Usahawan Pertanian 3. Pembangunan Modal Insan 4. Skim Pembangunan Ekonomi Keluarga	0.36 0.50 0.30 0.20	0.36 0.48 0.27 0.20	100.0 96.0 90.0 100.0
		<b>Jumlah</b>	<b>2.36</b>	<b>2.22</b>	<b>94.1</b>
	2018	Pembangunan Industri Makanan	1. Pengkomersilan Makanan 2. Promosi Industri Makanan	3.31 0.78	85.5 79.5
		Pembangunan Keusahawanan	1. Pembangunan Ekonomi Wanita 2. Pembangunan Usahawan Pertanian 3. Pembangunan Modal Insan 4. Skim Pembangunan Ekonomi Keluarga 5. Pembangunan Usahawan (SET) 6. Pusat Inkubator Wilayah Selatan (SET) 7. Pusat Inkubator Wilayah Utara (SET)	0.63 0.51 0.37 0.20 6.00 0.50 0.50	98.4 80.4 70.3 100.0 92.3 - 62.0
			<b>Jumlah</b>	<b>12.80</b>	<b>10.79</b>
					<b>84.3</b>
2019	Pembangunan Industri Makanan	1. Pengkomersilan Makanan 2. Promosi Industri Makanan 3. Pusat Pembangunan Industri Asas Tani	1.60 1.00 1.00	0.82 0.42 0.56	51.3 42.0 56.0
	Pembangunan Keusahawanan	1. Pembangunan Ekonomi Wanita 2. Pembangunan Usahawan Pertanian 3. Pembangunan Modal Insan 4. Skim Pembangunan Ekonomi Keluarga 5. Pusat Inkubator Wilayah Selatan (SET) 6. Pusat Inkubator Wilayah Utara (SET)	2.00 1.00 0.90 0.50 2.00 1.25	1.92 0.90 0.53 0.49 - -	96.0 90.0 58.9 98.0 - -
		<b>Jumlah</b>	<b>11.25</b>	<b>5.64</b>	
				<b>50.1</b>	

TAHUN	KOMPONEN	AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM Juta) (a)	PERBELANJAAN (RM Juta) (b)	PERATUSAN PERBELANJAAN (b)/(a) X 100 (%)
2020	Pembangunan Industri Makanan	1. Pengkomersilan Makanan	2.06	1.89	91.7
		2. Promosi Industri Makanan	0.94	0.90	95.7
		3. Pusat Pembangunan Industri Asas Tani	1.04	0.74	71.2
	Pembangunan Keusahawanan	1. Pembangunan Ekonomi Wanita	2.16	2.10	97.2
		2. Pembangunan Usahawan Pertanian	1.12	0.97	86.6
		3. Pembangunan Modal Insan	0.84	0.74	88.1
		4. Skim Pembangunan Ekonomi Keluarga	0.51	0.48	94.1
		5. Pusat Inkubator Wilayah Selatan (SET)	4.00	-	-
		6. Pusat Inkubator Wilayah Utara (SET)	1.90	1.22	64.2
	<b>Jumlah</b>		<b>14.57</b>	<b>9.04</b>	<b>62.0</b>
2021	Pembangunan Produk Agromakanan	-	-	-	-
	Pembangunan Usahawan Agromakanan	-	-	-	-
	Pusat Inkubator Wilayah Utara	-	0.80	0.55	69.0
	<b>Jumlah</b>		<b>0.80</b>	<b>0.55</b>	<b>69.0</b>
2022	Pembangunan Produk Agromakanan	-	0.30	0.29	96.7
	Pembangunan Usahawan Agromakanan	-	1.00	0.84	84.0
	Pusat Inkubator Wilayah Utara	-	0.70	0.38	54.3
	<b>Jumlah</b>		<b>2.00</b>	<b>1.51</b>	<b>75.5</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>46.20</b>	<b>32.07</b>	<b>69.4</b>

Sumber: Senarai Peruntukan dan Perbelanjaan, Jabatan Pertanian Sarawak

### Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023

Tahun 2021 merupakan fasa pandemik Covid-19. Oleh itu, JPS tidak menerima peruntukan program pembangunan bagi tahun tersebut menyebabkan sasaran yang dirancang tidak dapat dilaksanakan.

**Pendapat Audit** | **Aspek kewangan diurus dengan memuaskan kecuali perbelanjaan yang rendah pada tahun 2019, 2020 dan 2021 disebabkan pelaksanaan Pusat Inkubator tidak diteruskan, penangguhan pelaksanaan program dan pandemik Covid-19.**

#### 5.2.2. Perolehan Mesin dan Kelengkapan Pemprosesan serta Bahan Binaan untuk Program Bantuan

- Berdasarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 7 Tahun 2017 - Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri, had nilai bagi bekalan/perkhidmatan yang tidak melebihi RM20,000 hendaklah dibuat secara pembelian terus. Bagi sebut harga, had nilai perolehan adalah melebihi RM20,000 hingga RM100,000 manakala bagi tender, had nilai perolehan adalah melebihi RM100,000.

b. Semakan Audit terhadap Ringkasan Laporan Kewangan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati perolehan mesin dan kelengkapan serta bahan binaan untuk program bantuan adalah berjumlah RM14.69 juta. Jumlah tersebut merangkumi pembelian terus sejumlah RM2.64 juta (18%), sebut harga sejumlah RM7.22 juta (49.1%) dan tender sejumlah RM4.83 juta (32.9%). Semakan Audit selanjutnya mendapati perolehan mesin dan kelengkapan serta bahan binaan telah dibekalkan kepada 1,315 usahawan yang layak. Selain itu, perolehan mesin dan kelengkapan serta bahan binaan bagi 97 sampel usahawan mematuhi peraturan iaitu melalui proses pembelian terus, sebut harga dan tender. Butiran seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**BUTIRAN PEROLEHAN PROGRAM BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2022**

BIL.	KAEDAH PEROLEHAN	TAHUN (RM Juta)							JUMLAH (RM Juta)
		2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
1.	Pembelian Terus	0.32	0.34	1.24	0.26	0.29	-	0.19	<b>2.64</b>
2.	Sebut Harga	0.44	0.55	3.56	1.28	1.31	-	0.08	<b>7.22</b>
3.	Tender	0.10	-	1.33	0.67	2.46	-	0.27	<b>4.83</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>0.86</b>	<b>0.89</b>	<b>6.13</b>	<b>2.21</b>	<b>4.06</b>	<b>-</b>	<b>0.54</b>	<b>14.69</b>

Sumber: Ringkasan Laporan Kewangan, Jabatan Pertanian Sarawak

**Pendapat Audit** | Pengurusan perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan telah dilaksanakan selaras dengan Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri. Perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan juga telah dibekalkan kepada usahawan yang layak.

### 5.2.3. Pemilihan Usahawan

- Berdasarkan Perenggan 3 PPIMK RMKe-11, program ini dipertimbangkan kepada usahawan PPA yang memenuhi kriteria. Antara kriteria umum adalah warganegara Malaysia berumur 16 tahun ke atas, sekurang-kurangnya tamat tahun enam Sekolah Rendah, berminat dan mempunyai kemahiran serta mempunyai tempat perusahaan. Perenggan 5.2.1. Manual Pelaksanaan RMKe-11 menetapkan usahawan memiliki asas pengetahuan dan kemahiran dalam *Information and Communication Technology* serta bekerjasama membenarkan pemantauan.
- PPIMK RMKe-11 menetapkan pemilihan usahawan adalah melalui Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Pengurusan PKS serta Jawatankuasa Perancangan Jabatan. Manual Pelaksanaan RMKe-12 menetapkan pemilihan usahawan adalah melalui Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan,

Jawatankuasa Penilaian Program, Jawatankuasa Kelulusan Program dan Jawatankuasa Pembangunan Projek Jabatan.

- c. Semakan Audit terhadap Ringkasan Keseluruhan Permohonan PKS RMKe-11 dan Projek Mikro RMKe-12 bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati sebanyak 2,682 permohonan diterima daripada usahawan di 12 bahagian untuk menyertai PPA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,315 (49%) permohonan usahawan telah diluluskan melalui Jawatankuasa peringkat ibu pejabat JPS berasaskan kriteria yang ditetapkan dan peruntukan yang diterima setiap tahun. Bagaimanapun, sebanyak 1,367 (51%) permohonan tidak diluluskan. Bagi tahun 2021, sebanyak 252 (9.4%) permohonan yang dikemukakan tidak diproses kerana pandemik Covid-19. Butiran seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PKS BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

TAHUN	PERIHAL	BILANGAN USAHAWAN MENGIKUT BAHAGIAN (Orang)												JUMLAH (Orang)
		KUCHING	SRI AMAN	SIBU	MIRI	LIMBANG	SARIKEI	KAPIT	BINTULU	SAMARAHAN	MUKAH	BETONG	SERIAN	
2016	Permohonan	14	22	7	38	10	17	28	34	12	16	25	-	223
	Kelulusan	9	9	6	17	6	5	15	11	8	5	6	-	97
2017	Permohonan	18	21	4	29	11	18	25	47	13	20	37	13	256
	Kelulusan	7	3	4	20	4	3	8	19	2	6	7	1	84
2018	Permohonan	114	92	67	101	53	55	110	76	65	62	166	74	1,035
	Kelulusan	73	57	64	101	41	37	68	41	62	38	88	54	724
2019	Permohonan	44	25	33	41	20	29	25	24	13	21	69	23	367
	Kelulusan	10	24	9	41	16	20	23	9	5	16	49	16	238
2020	Permohonan	44	21	17	19	15	26	22	24	33	2	51	27	301
	Kelulusan	12	6	12	19	5	12	5	3	7	2	23	6	112
2021	Permohonan	23	21	27	23	22	23	14	12	32	19	23	13	252
	Kelulusan*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
2022	Permohonan	23	20	16	14	31	25	14	4	10	10	68	13	248
	Kelulusan	1	4	2	2	7	2	1	4	5	2	27	3	60
<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>		<b>280</b>	<b>222</b>	<b>171</b>	<b>265</b>	<b>162</b>	<b>193</b>	<b>238</b>	<b>221</b>	<b>178</b>	<b>150</b>	<b>439</b>	<b>163</b>	<b>2,682</b>
<b>JUMLAH KELULUSAN</b>		<b>112</b>	<b>103</b>	<b>97</b>	<b>200</b>	<b>79</b>	<b>79</b>	<b>120</b>	<b>87</b>	<b>89</b>	<b>69</b>	<b>200</b>	<b>80</b>	<b>1,315</b>
<b>PERATUSAN KELULUSAN (%)</b>		<b>40.0</b>	<b>46.4</b>	<b>56.7</b>	<b>75.5</b>	<b>48.8</b>	<b>40.9</b>	<b>50.4</b>	<b>39.4</b>	<b>50.0</b>	<b>46.0</b>	<b>45.6</b>	<b>49.1</b>	<b>49.0</b>
<b>JUMLAH TIDAK DILULUSKAN</b>		<b>168</b>	<b>119</b>	<b>74</b>	<b>65</b>	<b>83</b>	<b>114</b>	<b>118</b>	<b>134</b>	<b>89</b>	<b>81</b>	<b>239</b>	<b>83</b>	<b>1,367</b>
<b>PERATUSAN TIDAK LULUS (%)</b>		<b>60.0</b>	<b>53.6</b>	<b>43.3</b>	<b>24.5</b>	<b>51.2</b>	<b>59.1</b>	<b>49.6</b>	<b>60.6</b>	<b>50.0</b>	<b>54.0</b>	<b>54.4</b>	<b>50.9</b>	<b>51.0</b>

Sumber: Ringkasan Keseluruhan Permohonan PKS RMKe-11 dan Projek Mikro RMKe-12, Jabatan Pertanian Sarawak

Nota: (\*) Tiada Program Pembangunan Agromakanan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana pandemik Covid-19

## **Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023**

Kelulusan usahawan adalah mengikut jumlah peruntukan tahun semasa berdasarkan peratusan permohonan daripada setiap bahagian. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, sebanyak 1,367 permohonan tidak diluluskan kerana kekangan peruntukan dan terdapat arahan penangguhan pelaksanaan PKS pada tahun 2019. Selain itu, terdapat pemohonan yang tidak memenuhi syarat seperti faktor usia, faktor kesihatan, tidak mengikut kluster dan tidak mahu bekerjasama. Pemohon yang masih berminat perlu membuat permohonan semula. Pada tahun 2021, sebanyak 252 pemohonan telah diterima untuk pertimbangan tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tiada peruntukan disebabkan pandemik Covid 19.

**Pendapat | Pemilihan usahawan adalah memuaskan kerana mematuhi Audit kriteria ditetapkan dan peruntukan yang diterima setiap tahun.**

### **5.2.4. Bantuan Mesin dan Kelengkapan Pemprosesan serta Bahan Binaan**

- a. Berdasarkan Perenggan 4.1. PPIMK RMKe-11, objektif bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan adalah untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan kualiti produk. Antara jenis mesin dan kelengkapan pemprosesan yang dibekalkan adalah mesin pengering elektrik, mesin pengisar rempah, mesin pengisar serbuk, peti sejuk dan pengadun. Bahan binaan pula terdiri daripada atap spandek, batu, besi, simen, kayu dan pintu.
- b. Borang Permohonan Program (Borang 02/AF/RMKe-12) menetapkan JPS berhak membatal atau menarik balik bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan yang diberi sekiranya usahawan gagal menguruskannya. Surat Akujanji Bantuan Usahawan (Borang 05/AF/RMKe-12) pula menetapkan enam akuan janji usahawan yang antaranya adalah menjaga, menggunakan serta menyenggarakan mesin dan kelengkapan dengan baik.
- c. Semakan Audit terhadap Senarai Aset Usahawan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022 mendapati sebanyak 1,939,939 unit mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan bagi 136 premis telah dibekalkan kepada seramai 1,315 usahawan di 12 bahagian. Penetapan bilangan usahawan untuk menerima bantuan adalah berasaskan peruntukan yang diluluskan setiap tahun. Butiran seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN**  
**SERTA BAHAN BINAAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2022**

BIL.	BAHAGIAN	BIL. USAHAWAN (Orang)	MESIN DAN KELENGKAPAN		BAHAN BINAAN BIL. PREMIS (Unit)
			BILANGAN (Unit)	1,315	
1.	Samarahan	89	390,308		6
2.	Kuching	112	39,771		6
3.	Serian	80	121,939		6
4.	Miri	200	309,585		39
5.	Betong	200	279,101		31
6.	Bintulu	87	76,199		4
7.	Kapit	105	34,643		8
8.	Limbang	79	44,224		6
9.	Mukah	69	58,354		2
10.	Sarikei	79	10,411		4
11.	Sibu	112	372,022		16
12.	Sri Aman	103	203,382		8
<b>JUMLAH</b>		<b>1,315</b>	<b>1,939,939</b>		<b>136</b>

Sumber: Senarai Aset Usahawan Tahun 2016 hingga 2022, Jabatan Pertanian Sarawak

- d. Semakan Audit selanjutnya mendapati **Surat Akujanji Bantuan Usahawan bagi 97 usahawan tidak mengambil kira berkaitan pembatalan atau penarikan balik bantuan sekiranya usahawan gagal mengendalikannya.**
- e. Lawatan Audit ke 97 usahawan di Bahagian Samarahan, Kuching, Serian, Miri dan Betong pada 22 Ogos 2022 hingga 7 Oktober 2022 mendapati sebanyak 402,704 unit mesin dan kelengkapan pemprosesan berjumlah RM3.12 juta telah dibekalkan kepada usahawan yang layak. Pengesahan telah dijalankan terhadap kesemua mesin dan kelengkapan pemprosesan yang diterima oleh usahawan. Butiran seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN SERTA BAHAN BINAAN**

BIL.	BAHAGIAN	BIL. USAHAWAN	MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN		BAHAN BINAAN		JUMLAH PERBELANJAAN (RM Juta)
			KUANTITI (Unit)	BELANJA (RM Juta)	BIL. PREMIS (Unit)	BELANJA (RM Juta)	
1.	Samarahan	13	44,388	0.43	1	0.02	0.45
2.	Kuching	18	28,057	0.95	6	0.22	1.17
3.	Serian	9	515	0.10	2	0.02	0.12
4.	Miri	26	249,798	1.04	10	0.23	1.27
5.	Betong	31	79,946	0.60	10	0.09	0.69
<b>JUMLAH</b>		<b>97</b>	<b>402,704</b>	<b>3.12</b>	<b>29</b>	<b>0.58</b>	<b>3.70</b>

Sumber: Senarai Aset Usahawan, Jabatan Pertanian Sarawak

f. Pemeriksaan Audit mendapati **sebanyak 55 unit mesin dan kelengkapan pemprosesan berjumlah RM342,101 tidak digunakan oleh 11 usahawan**. Antara sebab mesin tidak digunakan adalah tidak sesuai untuk kegunaan usahawan dan bekalan kuasa elektrik di premis usahawan tidak dapat menampung mesin yang dibekalkan yang memerlukan kuasa elektrik lebih besar. Ini adalah kerana Jawatankuasa Spesifikasi tidak diwujudkan bagi menentukan kesesuaian mesin yang sepatutnya digunakan. Selain itu, ia juga disebabkan oleh fasa pandemik Covid-19 dan premis masih belum siap. Butiran seperti dalam **Jadual 19** dan keadaan seperti dalam **Gambar 6** hingga **Gambar 11**.

**JADUAL 19**  
**MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN**  
**YANG TIDAK DIGUNAKAN SETAKAT BULAN OKTOBER 2022**

BIL.	USAHAWAN	BAHAGIAN	BUTIRAN MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN	BIL. (UNIT)	AMAUN (RM)	TARIKH TERIMA
1.	XXXXXX-XX-5422	Samarahan	<i>Electric Dryer (Gambar 6)</i>	2	13,108	28.12.2020
			<i>Spice Grinder</i>	2	4,972	
			<i>Automatic Vertical Cam System Auger Packaging Machine (Gambar 7)</i>	1	32,770	
			<i>2 Door Chiller</i>	1	2,926	
			<i>2 Burner Gas Stove</i>	1	1,582	
2.	XXXXXX-XX-5274	Kuching	<i>Bean Grinder</i>	2	2,200	22.12.2020 28.12.2020 22.12.2020 21.12.2020
			<i>Double Jacketed Mixer Tank (Gambar 8)</i>	1	26,000	
			<i>Shrink Tunnel Machine (Gambar 9)</i>	1	22,600	
			<i>Semi-Auto 4 Nozzles Pump Filling Machine (Gambar 10)</i>	1	60,750	
3.	XXXXXX-XX-5395	Samarahan	<i>Commercial Dryer (Gambar 11)</i>	1	21,470	24.11.2020
			<i>2 Burner Gas Stove</i>	1	1,582	
			<i>Powder Milling Machine</i>	1	5,537	
			<i>Intelligent Weighing Filler</i>	1	1,582	
			<i>Working Table</i>	1	1,227	
4.	XXXXXX-XX-5950	Miri	<i>Fermenting Box</i>	1	2,700	14.10.2019
			<i>Gas Oven</i>	1	2,600	
			<i>Counter Stall</i>	1	3,200	
			<i>Electric Oven Dryer</i>	1	7,630	
			<i>Electric Oven</i>	1	1,100	
			<i>Double Sink Bowl</i>	1	1,965	
			<i>Electronic Kitchen Weighing Scale</i>	2	230	
5.	XXXXXX-XX-5620	Miri	<i>Coconut Grinder</i>	1	380	20.09.2019 17.08.2020
			<i>Cake Cooling Rack</i>	1	1,950	
			<i>Gas Oven</i>	1	6,900	
			<i>Bread Slicer</i>	1	3,600	
			<i>Semi Auto Dough Divider</i>	1	6,600	
6.	XXXXXX-XX-6406	Miri	<i>Electric Oven</i>	1	2,140	16.10.2019
			<i>Vegetable Cutter</i>	1	3,100	
			<i>Electric Dryer Oven</i>	1	6,980	
			<i>Sealing Foot Type</i>	1	950	
			<i>Working Tables</i>	1	1,315	
			<i>Kwali Range</i>	1	1,900	
			<i>Blender</i>	1	8,700	
7.	XXXXXX-XX-5391	Miri	<i>Electric Oven</i>	1	2,600	23.09.2020
			<i>Working Table</i>	2	3,400	
			<i>Sink Bowl Table</i>	1	1,800	
			<i>Multipurpose Cooker</i>	1	9,500	
			<i>Electric Oven Dryer</i>	1	7,630	
			<i>Grinding Machine</i>	1	5,000	
			<i>Bean Grinder</i>	1	1,550	
8.	XXXXXX-XX-6588	Miri	<i>Food Warmer</i>	1	3,050	16.09.2020
			<i>Electric Oven</i>	1	2,600	

BIL.	USAHAWAN	BAHAGIAN	BUTIRAN MESIN DAN KELENGKAPAN PEMPROSESAN	BIL. (UNIT)	AMAUN (RM)	TARIKH TERIMA
9.	XXXXXX-XX-5032	Betong	<i>Electric Gas Oven</i> <i>Universal Mixer</i> <i>Ginger Slicer</i>	1 1 1	2,800 1,895 4,400	05.05.2022
10.	XXXXXX-XX-6551	Samarahan	<i>Semi Auto Filling Machine (Gambar 12)</i>	1	20,700	22.06.2018
11.	XXXXXX-XX-5027	Betong	<i>High Speed Chilli Grinder (Gambar 13)</i> <i>Chilli Slicer Cutting</i> <i>High Pressure Burner</i>	2 1 1	5,460 4,920 2,550	14.10.2020
<b>JUMLAH</b>				<b>55</b>	<b>342,101</b>	

Sumber: Baucar Bayaran, Jabatan Pertanian Sarawak

**GAMBAR 6**



Premis Usahawan Bahagian Samarahan  
- *Electric Dryer* Bernilai RM13,108 Tidak Digunakan Kerana Premis Belum Siap  
(23.08.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



Premis Usahawan Bahagian Samarahan  
- *Automatic Vertical Cam System Auger Packaging Machine* Bernilai RM32,770 Tidak Digunakan Kerana Premis Belum Siap  
(23.08.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 8**



Premis Usahawan Bahagian Kuching  
- *Double Jacketed Mixer Tank* Bernilai RM26,000 Tidak Digunakan Kerana Premis Belum Siap  
(25.08.2022)  
(Sumber : Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9**



Premis Usahawan Bahagian Kuching  
- *Shrink Tunnel Machine* Bernilai RM22,600 Tidak Digunakan Kerana Premis Belum Siap  
(25.08.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 10**



Premis Usahawan Bahagian Kuching  
- *Semi-Auto 4 Nozzles Pump Filling Machine* Bernilai RM60,750 Tidak Digunakan  
Kerana Premis Belum Siap  
(25.08.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**



Premis Usahawan Bahagian Samarahan  
- *Commercial Dryer* Bernilai RM21,470 Tidak  
Digunakan Kerana Premis Dalam Proses  
Penambahbaikan  
(30.08.2022)  
(Sumber : Jabatan Audit Negara)

- g. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati empat unit mesin dan kelengkapan pemprosesan yang tidak digunakan oleh dua usahawan dari Bahagian Samarahan dan Betong diserahkan kembali kepada JPS. Tindakan penyerahan mesin tersebut oleh usahawan dibuat selepas teguran Audit. Mesin dan kelengkapan pemprosesan tersebut dimaklumkan akan diberikan kepada usahawan lain yang layak dan menjalankan perusahaan yang sama. Antara mesin yang diserahkan kepada JPS adalah *Semi Auto Filling Machine* dan *High Speed Chilli Grinder* seperti dalam **Gambar 12** dan **Gambar 13**.

**GAMBAR 12**



Dapur Uji, JPS Bahagian Samarahan  
- *Semi Auto Filling Machine* Bernilai RM20,700  
Telah Diserahkan Kepada JPS  
(17.02.2023)  
(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

**GAMBAR 13**



Premis Usahawan Bahagian Betong  
- *High Speed Chilli Grinder* Bernilai RM5,460  
Telah Diserahkan Kepada JPS  
(17.02.2023)  
(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

- h. Pemeriksaan Audit juga mendapati bahan binaan sejumlah RM20,705 diluluskan dan dibekalkan kepada dua usahawan di Bahagian Serian dan Betong bagi membina baharu premis. Bagaimanapun, **kedua-dua premis tersebut masih belum siap dibina**. Ini adalah kerana penyiapan premis, kos bahan binaan lain dan upah pekerja adalah di bawah tanggungjawab usahawan. Butiran seperti dalam **Jadual 20** serta keadaan premis seperti dalam **Gambar 14** dan **Gambar 15**.

**JADUAL 20**  
**BUTIRAN PREMIS USAHAWAN YANG BELUM SIAP**

BIL.	USAHAWAN	BAHAGIAN	BUTIRAN BAHAN BINAAN	AMAUN (RM)	TARIKH TERIMA
1.	XXXXXX-XX-5340	Serian	Atap Spandek, Batu dan lain-lain ( <b>Gambar 14</b> ) Besi, Tiang Besi Berongga, Simen dan lain-lain	5,360 3,753	01.07.2022 04.07.2022
2.	XXXXXX-XX-5027	Betong	Simen, Batu Bata, Batu Kuari, Atap Spandek, Pintu, Bingkai, Dawai, Kayu Meraka dan Paku ( <b>Gambar 15</b> )	11,592	10.07.2020
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>20,705</b>

Sumber: Baucar Bayaran, Jabatan Pertanian Sarawak

**GAMBAR 14**



Premis Usahawan Bahagian Serian  
- Premis Belum Siap Dibina  
(17.02.2023)

(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

**GAMBAR 15**



Premis Usahawan Bahagian Betong  
- Premis Belum Siap Dibina  
(17.02.2023)

(Sumber: Jabatan Pertanian Sarawak)

### Maklum Balas JPS pada 20 Januari 2023

Tindakan yang diambil oleh penyelia terhadap usahawan yang tidak menggunakan mesin dan kelengkapan pemprosesan adalah secara lisan sahaja. Selain itu, Surat Peringatan dikeluarkan kepada usahawan untuk menyerah balik mesin dan peralatan yang tidak digunakan dalam tempoh enam bulan selepas tarikh penerimaan mesin dan kelengkapan pemprosesan.

### Maklum Balas JPS pada 17 Februari 2023

Untuk penambahbaikan, proses pengeluaran Surat Peringatan akan dimasukkan dalam Manual Pelaksanaan Program Agromakanan yang akan dimurnikan dalam Bengkel Permurnian Manual Pelaksanaan JPS pada 20 hingga 24 Februari 2023.

**Pendapat Audit** | Seramai 13 usahawan tidak mencapai pendapatan tinggi yang disasarkan iaitu RM4,000 sebulan. Ini adalah kerana bantuan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan yang dibekalkan kepada usahawan tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan didapati pelaksanaan PPA adalah kurang memuaskan berikutan pencapaian output dari aspek prestasi fizikal Pusat Inkubator Wilayah Utara belum dapat disiapkan sepenuhnya. Pencapaian keberhasilan juga kurang memuaskan dari aspek pendapatan usahawan berikutan bilangan usahawan berpendapatan melebihi RM4,000 sebulan masih rendah iaitu seramai 291 (22.1%) usahawan. Pengurusan program adalah memuaskan dari aspek prestasi kewangan, perolehan mesin dan kelengkapan pemprosesan serta bahan binaan untuk program bantuan dan pemilihan usahawan kecuali bantuan kepada usahawan tidak dimanfaatkan.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan program pembangunan agromakanan dijalankan dengan lebih cekap dan berkesan pada masa hadapan, pihak Audit mengesyorkan penambahbaikan seperti berikut:

- 7.1. fasiliti Pusat Inkubator Wilayah Utara perlu disiapkan segera dan dimanfaatkan secara optimum untuk menghasilkan produk yang berkualiti dan selamat;
- 7.2. meningkatkan aktiviti pemasaran produk bagi menambah pendapatan usahawan; dan
- 7.3. Surat Akujanji Bantuan Usahawan perlu ditambah baik dengan tindakan pembatalan atau penarikan balik bantuan sekiranya usahawan gagal mengendalikannya. Selain itu, Jawatankuasa Spesifikasi perlu diwujudkan bagi menentukan kesesuaian penggunaan mesin serta kelengkapan pemprosesan.

